

**DRAF TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR  
UNTUK MAJLIS ANUGERAH INOVASI  
TAHUN 2010**

***3 November 2010, Dewan Kuliah Perdana, Universiti Malaysia Sabah***

*Bismillahirrahmannir Rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

- **Timbalan – Timbalan Naib Canselor;**
  
- **Y.Berusaha Mejar (Kehormat) Abdullah Hj. Mohd. Said,  
Pendaftar merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis  
Anugerah Inovasi UMS Kali Ke-3 Bagi Tahun 2010 dan ahli  
jawatankuasanya;**
  
- **Pegawai-Pegawai Utama Universiti;**
  
- **Dekan-Dekan/Ketua-Ketua Jabatan;**
  
- **Para Kakitangan Akademik & pentadbir universiti;**
  
- **Rakan-rakan media;**
  
- **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.**

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita terus dapat menghayati dan menikmati kesejahteraan dan kemakmuran hidup pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah mengatitkan kesempatan ini untuk kita bersama-sama dalam **Majlis Anugerah Inovasi Tahun 2010, Kali Ke-3** ini.

3. Seperti yang sudah sedia maklum, majlis ini merupakan platform kepada UMS untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan dan prestasi Jabatan dan Kakitangan UMS dalam menjuarai aktiviti-aktiviti berasaskan kualiti dan inovasi di universiti ini.

4. Kepada bakal pemenang anugerah-anugerah yang akan diumumkan sebentar nanti, saya ucapkan syabas dan tahniah. Bagi yang tidak menerima apa-apa pada hari ini, saya yakin sumbangan yang diberikan selama ini tetap akan diperhitungkan oleh UMS dalam banyak cara dan keadaan.

***Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;***

### **MEMBUDAYAKAN KREATIVITI DAN INOVASI**

5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada **MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-11 (MAPPA XI) pada 9 Mac 2010** telah menggariskan 4 nilai asas pelengkap kepada keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan awam. Antara 4 nilai asas pelengkap ini ialah Membudayakan Kreativiti dan Inovasi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru kepada penjawat awam untuk berfikir di luar lingkungan kotak. Beliau juga tidak mahu budaya 'automation' dijadikan satu hakikat kehidupan dalam sektor awam. Penjawat Awam seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

6. Bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan sebuah 'full-pledged University' di negeri Sabah ini, kita perlu menjadi 'champion' dalam budaya kreativiti dan inovasi ini kerana peranan UMS adalah untuk melahirkan sumber atau modal insan kepada negara disamping mencipta dan membangunkan ilmu-ilmu baru dalam dunia akademia.

***Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;***

**WAWASAN UMS**

7. Pada kesempatan ini, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk merenung kembali antara citra-citra UMS yang tercatat kemas semenjak 16 tahun penubuhan UMS ini.

8. Sesungguhnya UMS bertekad menjadi universiti berinovatif yang bertaraf dunia. '*Universiti Malaysia Sabah strives to be an innovative University of global standing*'. Itu wawasan UMS. Wawasan inilah yang mesti kita dokong, hayati dan laksanakan di semua jabatan dan peringkat, pensyarah dan pegawai.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan inovatif? Perkataan Inovatif adalah kata sifat (adjective) yang bermaksud menghasilkan cetusan idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah atau cara kita bekerja.

10. Pada Amanat Tahunan saya pada tahun 2010 ini, saya telah menyentuh mengenai hasrat kita untuk mencapai taraf Universiti Penyelidikan. Saya telah mengatakan bahawa:

“ Kesungguhan kita dalam mengorak langkah menjadi sebuah Universiti Penyelidikan telah mendorong UMS untuk membuat penilaian sendiri (self-assessment) terhadap lapan kriteria utama, iaitu kita harus meningkatkan:

- i. Kuantiti dan Kualiti Penyelidik dan Penyelidikan
- ii. Kuantiti dan Kualiti Pelajar Pascasiswazah
- iii. Inovasi, Perkhidmatan Professional dan Pengiktirafan
- iv. Rangkaian dan Perhubungan; dan kemudahan sokongan”

11. Saya ingin mengulang apa yang telah saya katakan pada Majlis Amanat saya pada awal tahun ini bahawa 'Inovasi adalah penting dalam penyelidikan dan ia sepatutnya berkembang seiring dengan penyelidikan.' Saya sedar pada ketika ini jumlah produk penyelidikan yang melalui proses inovasi di UMS masih sangat kurang. Oleh yang demikian, saya meminta semua pihak yang bertanggungjawab untuk bertindak segera melaksanakan amanat yang telah saya gariskan sebelum ini.

12. Pada ketika ini, UMS telahpun berusaha dan telahpun melaksanakan beberapa perubahan bersifat inovasi dalam pengurusanannya. Pelaksanaan sistem e-meeting, sistem maklumat pelajar, pengurusan perjawatan secara e-jobs, CV Online, My-CPD dan banyak lagi adalah merupakan manifestasi penghasilan inovasi yang ada di UMS ini.

13. Bagi menggiatkan dan memperkukuhkan lagi budaya inovasi ini, saya menyeru dan mencabar setiap Ketua Jabatan baik Sekolah, Pusat, Institut, Jabatan dan Unit untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 2 hasil inovasi dalam sebarang aktiviti utama jabatan masing-masing bermula pada hari ini sehinggalah pada tahun 2011. Ini bermaksud, pada akhir tahun 2011, UMS akan mempunyai sekurang-kurangnya 70 produk inovasi yang boleh kita nilai dan berikan penghargaan sewajarnya.

14. Saya juga ingin melihat UMS mengambil bahagian yang aktif dalam Majlis Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam dan juga pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan atau peringkat IPTA.

15. Saya yakin, sekiranya kita dapat meningkatkan lagi senarai produk inovasi ini dari tahun ke tahun dan mencapai pengiktirafan di pelbagai

peringkat, wawasan UMS untuk menjadi sebuah universiti berinovasi yang bertaraf dunia akan dapat kita capai dalam masa terdekat ini.

***Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

## **PENUTUP**

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak Jawatankuasa Pelaksana, yang dipengerusikan oleh Pendaftar di atas kejayaan menganjurkan majlis untuk kali ke-3 bagi tahun 2010 ini.

17. Pihak Pengurusan Universiti ini sememangnya menyokong penuh sebarang usaha untuk meningkatkan kualiti dan inovasi perkhidmatan di UMS. Peruntukan kewangan yang agak besar bagi tujuan ini kita peruntukkan dengan harapan ia sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan UMS pada hari ini, esok dan selamanya.

18. Kepada semua penerima anugerah, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah.

Sekian, tahniah dan selamat maju jaya untuk semua warga UMS!

*Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*